

**SIKAP DAYA SAING SISWA SISWI DI UiTM KAMPUS ALOR GAJAH DALAM
KECEMERLANGAN AKADEMIK**



**BIRO PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM SELANGOR
MALAYSIA**

DISEDIAKAN OLEH :

**PROF. MADYA WAN HARTINI WAN HASSAN
PROF. MADYA DR. HJH ZALIHA HJ HUSSIN
ZAIHAN ABD LATIP**

MEI 2003

Tarikh : 31 Mei 2003
No. Fail Projek :

Ketua
Biro Penyelidikan dan Perundingan (BRC)
UiTM Shah Alam

Tuan

LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN “SIKAP DAYA SAING SISWA SISWI UiTM KAMPUS ALOR GAJAH DALAM KECEMERLANGAN AKADEMIK

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 3 (tiga) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk “Sikap Daya Saing Siswa-Siswi UiTM Kampus Alor Gajah Dalam Kecemerlangan Akademik” oleh kumpulan Penyelidik UiTM Kampus Alor Gajah untuk makluman pihak tuan.

Sekian. Terima kasih.

Yang benar



WAN HARTINI WAN HASSAN
Ketua
Projek Penyelidikan



**Universiti
Teknologi
MARA**

Surat kami: 600-CM(UPP.1/4)

Tarikh: 24 Julai 2001

Prof Madya Wan Hartini Wan Hassan,
UiTM Kampus Alor Gajah.

**Unit Penyelidikan dan
Perundingan
UiTM Kampus Alor Gajah
Km. 26, Jalan Lendu
78000 Alor Gajah, Melaka**

Tel: 06-5582095
Fax: 06-5582001
uppmelaka@melaka.itm.edu.my

TAJUK PENYELIDIKAN:

**SIKAP DAYA SAING SISWA-SISWI DI UiTM CAWANGAN MELAKA,
KAMPUS ALOR GAJAH DALAM KECERMERLANGAN AKADEMIK**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa permohonan penyelidikan puan bersama ahli kumpulan telah diterima, berikut adalah keputusan yang telah dibuat :

- i. Meluluskan cadangan projek penyelidikan yang dikemukakan oleh puan, Prof Madya Dr Zaliha Hussin dan Puan Zaihan Latip
- ii. Kos yang diluluskan ialah sebanyak **RM 2,000 sahaja**.
- iii. Tempoh penyelidikan ini ialah **8 bulan**, iaitu mulai dari 1 Ogos 2001 hingga 31 March 2002.
- iv. Penggunaan geran yang telah diluluskan hanya akan diproses setelah perjanjian ditandatangani.
- v. Kertas kerja boleh dibentangkan dalam seminar setelah 75% deraf awal laporan akhir projek dihantar ke UPP untuk semakan. Walau bagaimanapun, puan perlu membuat permohonan kepada Unit Penyelidikan dan Perundingan.
- vi. **Laporan Akhir** perlu dihantar sebaik sahaja projek penyelidikan disiapkan. Format menulis laporan akhir boleh diperolehi dari Unit Penyelidikan dan Perundingan.

Bersama ini disertakan Perjanjian untuk ditandatangani oleh pihak tuan. Sila penuhkan perjanjian berkenaan dengan menggunakan pen berdakwat hitam dan

kembalikan kepada Ketua, Unit Penyelidikan dan Perundingan untuk tindakan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.

"SELAMAT MENJALANKAN PENYELIDIKAN"

Yang benar



PROF. DR. HJ MOHD TAHIR HJ ABDUL HAMID
Provost

s.k.

- i. Ketua BRC, UiTM Shah Alam
- ii. Timbalan Provost HEA
- iii. Ketua UPP
- iv. Penolong Bendahari

Abstrak

Tujuan kajian adalah untuk mengkaji samada wujud atau tidak sikap daya saing di kalangan siswa dan siswi UiTM Kampus Alor Gajah dan juga mengenalpasti faktor-faktor tidak bersandar yang mempengaruhi sikap daya saing antara mereka. Kajian juga mengkaji hubungkait antara sikap daya saing dan pencapaian akademik. Seramai 321 siswa dan siswi dari program-program ijazah sarjana muda dan diploma sepenuh masa telah diambil sebagai sampel. Kajian mendapati wujud sikap daya saing yang signifikan di kalangan pelajar-pelajar UiTM Kampus Alor Gajah. Faktor-faktor tidak bersandar seperti jantina, jenis program, umur, penempatan, sumber kewangan, bilangan adik-beradik, pendapatan bulanan ibubapa dan tahap pendidikan ibubapa didapati mempengaruhi sikap daya saing para pelajar. Penemuan kajian mendapati terdapat hubungkait linear positif yang lemah antara sikap daya saing dengan pencapaian akademik. Hasil ini bermaksud pelajar-pelajar hanya mempunyai sikap daya saing tetapi sikap ini tidak diterjemahkan ke dalam bentuk tindakan dan strategi yang berkesan bagi menghasilkan kejayaan. Oleh itu pihak penyelidik mencadangkan beberapa perkara yang perlu diwujudkan dalam usaha meningkatkan sikap daya saing para pelajar UiTM Kampus Alor Gajah. Diantaranya ialah mengadakan kursus motivasi dan kemahiran pembelajaran yang berterusan untuk para pelajar, mempamerkan nama-nama mereka di papan kenyataan di sekitar kampus dan meraikan mereka dalam " Majlis Anugerah Kecemerlangan" disertai dengan penganugerahan sijil, menyediakan prasarana, peralatan pembelajaran dan bilik-bilik kuliah yang selesa dan sempurna untuk pembelajaran, menganjurkan aktiviti-aktiviti yang dapat meningkatkan semangat persaingan dan mengujudkan persekitaran yang ceria dan kemudahan rekreasi dan riadah yang cukup untuk para pelajar.